

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	16/10/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Tam terus 'hidup' di muzium

Badak sumbu Sumatera terakhir Malaysia mati akibat komplikasi Mei lalu diawetkan

Oleh Mohd Izham
Ummi Abdullah
thaddius@bh.com.my

Kota Kinabalu


Badak sumbu Sumatera terakhir Malaysia yang mati akibat pelbagai komplikasi dalam pada Mei lalu dijadikan replika dan mula dipamerkan di Muzium Sabah sempena Pameran Khas Dirgahayu Tuan Yang Tertama dan Tam: Badak Jantan Terakhir, di sini, semalam.

Bangkai badak dikenali sebagai Tam itu dibina semula menyerupai saiz sebenar mamalia berkenaan sebelum diletakkan dalam ruang kaca tertutup di satu sudut khas di Muzium Sabah bagi membolehkan orang ramai melihat secara dekat hidupan liar itu.

Selain replika, sudut khas badak sumbu Sumatera itu turut dilengkapi maklumat bergambar dan video mengenai semua badak yang pernah ditemui di hutan negeri ini termasuk Iman, badak betina terakhir yang menjadi satu-satunya spesies badak sumbu Sumatera yang masih hidup di negara ini.

Pelancaran pameran khas itu disempurnakan yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin sempena sambutan Hari Jadi Rasmi Ke-66 belian pada tahun ini.

Turut hadir ialah isteri Juhar, Toh Puan Norhidah



TEJAMU menarik melihat replika Tam yang dipamerkan di Muzium Sabah. Gambar: bulat, Tam ketika hidup.

RM Jasni; Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Christina Liew dan Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Kerajinan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Jaujan Sambakong.

Liew menjelaskan Jabatan Muzium Sabah menga-

mbil inisiatif mengawet bangkai Tam untuk diabadikan sebagai koleksi dan dipamerkan sempena sambutan Hari Jadi Rasmi Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Liar Sabah (JHLS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pula menyedikan kisah hidup Tam dalam pelbagai media termasuk realiti maya (VR) dan Realiti Tertambah (AR) untuk ta-

tapan orang ramai. "Pameran ini bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya kita memelihara khazanah warisan se-

Menjawab soalan media selepas majlis berkenaan, Liew berkata proses IVF akan dilakukan semula dengan menggunakan sperma daripada badak muda menerusi kerjasama dengan Indonesia selepas perjanjian persahabatan (MoU) mengenainya dimeterai.

Tam mati pada usia 35 tahun pada 27 Mei lalu

Jabatan Hidupan